

Mahathir nafi dakwaan BN miliki fail tertentu Harun

22 NOV 1999

9

JITRA 21 Nov. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menafikan dakwaan pembangkang kononnya Barisan Nasional (BN) mempunyai fail tertentu Datuk Harun Din sehingga menyebabkan tokoh Pas itu gagal bertanding pada pilihan raya umum ini.

Menurut Perdana Menteri, beliau tidak mengetahui langsung tentang fail yang didakwa itu dan bukan menjadi tugasnya untuk mengumpul fail orang lain.

Beliau secara sinis berkata, kerja mengumpul fail seperti itu hanya dilakukan oleh bekas timbalannya, Datuk Seri Anwar Ibrahim yang menggunakan fail untuk mengugut orang lain.

“Cuma Datuk Seri Anwar sahaja yang kutip fail, selama dia bekerja dengan kerajaan dia kutip fail untuk ugut orang,” katanya

kepada para pemberita selepas menghadiri majlis pertemuan dengan warga tentera di Kem Tok Jalai, dekat sini hari ini.

Hadir sama ialah isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali dan Menteri Pertahanan, Datuk Abang Abu Bakar Abang Mustapha.

Perdana Menteri berkata demikian ketika diminta mengulas dakwaan Pesuruhjaya Pas Perlis, Hashim Jasin, bahawa BN mempunyai fail tertentu yang akan digunakan untuk membatalkan pencalonan tokoh Pas itu.

Sebelum ini heboh diperkatakan Ahli Jawatankuasa Pas Pusat itu akan bertanding pada pilihan raya umum ini untuk menentang Menteri Besar Perlis, Datuk Seri Shahidan Kassim.

Harun Din juga dikata-

kan akan mencabar Perdana Menteri di kawasan Parlimen Kubang Pasu. Tetapi pada hari penamaan calon semalam, nama beliau langsung tidak dicalonkan sama ada di Perlis ataupun di Kubang Pasu.

Perdana Menteri berkata, jika BN mendapat tahu tokoh Pas itu mempunyai masalah tertentu sehingga menyebabkan dia hilang kelayakan untuk bertanding, BN sudah pasti akan menggunakan isu itu.

“Ialah... kalau dia ada masalah, tentulah Barisan akan menggunakannya, ia perkara biasa. Kalau satu orang itu kita tahu bankrap, kita akan protes (pencalonannya),” ujarnya.

Sementara itu, menjawab soalan mengenai penerimaan penyokong BN terhadap calon-calon parti itu, Dr. Mahathir berkata, memang ada yang tidak puas

hati dengan pemilihan itu tetapi kini sudah menerimanya.

“Sesetengah orang tidak puas hati dan tidak mahu bekerja (kempen) kuat tetapi kebanyakan daripada mereka kini sudah aktif semula,” ujarnya.

Menjawab satu soalan, Perdana Menteri mengakui pembangkang kini agak kuat tetapi beliau yakin BN boleh menang pada pilihan raya umum kali ini.

“Mereka (penyokong Pas), perang bermati-matian untuk mempertahankan pemimpin mereka sehingga kadang kala mencabut bendera dan poster BN,” ujarnya.

Katanya, beliau diberitahu terdapat kempen kurang sihat seperti mencabut bendera dan poster di Pendang tetapi kejadian seumpama itu tidak berlaku di tempat lain.